



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

SAMBUTAN ANAK MERDEKA 2025 BERSEMPENA HARI KEBANGSAAN KE-68

KUALA LUMPUR, 31 Ogos 2025 – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Arkib Negara Malaysia dengan kerjasama Pavilion Damansara Heights telah berjaya menganjurkan Sambutan Anak Merdeka 2025 bersempena Hari Kebangsaan Ke-68 di Pavilion Damansara Heights, Kuala Lumpur. Majlis ini diserikan dengan kehadiran warga Malaysia daripada pelbagai kaum dan latar belakang, sekali gus mencerminkan semangat perpaduan serta kekuatan negara bangsa.

Dalam ucapannya, Dato' Haslina Binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara mengucapkan Selamat Hari Lahir kepada semua yang meraikannya dan menegaskan bahawa semangat perpaduan yang diasaskan oleh tokoh-tokoh kemerdekaan seperti Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Tun Tan Cheng Lock, Tun V.T. Sambanthan dan ramai lagi telah mengetepikan perbezaan kaum dan agama untuk mencari titik persamaan demi membina sebuah negara yang berdaulat.

Beliau turut menekankan bahawa setiap kali kita meraikan Hari Kebangsaan, kita sedang memperbaharui janji kepada *founding fathers* negara ini bahawa kita akan terus menjaga keutuhan negara dan memperkukuh semangat muhibah.

Mengulas mengenai tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2025, iaitu “Malaysia MADANI: Rakyat Disantuni”, beliau menekankan bahawa kebajikan dan kesejahteraan rakyat akan sentiasa menjadi keutamaan tanpa mengira kaum, agama, usia atau kedudukan adalah sebahagian daripada keluarga besar Malaysia yang mesti dihargai.

Dalam pada itu, beliau turut menyeru rakyat agar mengibarkan Jalur Gemilang dengan penuh rasa hormat dan menjadikannya sebagai budaya nasional sepanjang tahun, bukan hanya pada bulan Ogos. Bagi memperkukuh semangat patriotisme, Kementerian Perpaduan Negara akan memperluaskan

program Malaysiaku Merdeka, dengan memberi fokus kepada aktiviti pengibaran bendera negara sepanjang tahun melalui penglibatan akar umbi seperti Kawasan Rukun Tetangga (KRT), Kelab Rukun Negara (KRN) dan Sekretariat Rukun Negara (SRN) supaya semangat cintakan negara terus subur dalam jiwa rakyat Malaysia tanpa mengira bulan atau musim.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Arkib Negara Malaysia, Pavilion Damansara Heights, Kuala Lumpur, dan semua rakan kerjasama strategik, kerana berjaya menganjurkan program ini. Majlis diakhiri dengan penutupan rasmi Sambutan Anak Merdeka 2025 oleh Dato' Haslina Binti Abdul Hamid.

Kementerian Perpaduan Negara

31 Ogos 2025

KPN.100-9/1/1 ()